

29 NOV 1998

Syed Hamid-Reformasi

GERAKAN REFORMASI PERLU PERJELAS MATLAMAT SEBELUM TUBUHKAN PARTI

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini meminta pendokong gerakan reformasi supaya terlebih dahulu memperjelaskan matlamat sebenar yang ingin dicapainya, sebelum meneruskan hasrat menubuhkan sebuah parti politik dan bertanding dalam pilihan raya akan datang.

Syed Hamid yang juga Menteri Pertahanan berkata, sekiranya benar gerakan tersebut berhasrat menyertai politik, maka mereka seharusnya bergerak mengikut lunas kepartian dan politik.

"Saya percaya rakyat juga tertanya-tanya apakah matlamat dan tujuan sebenar kumpulan ini yang jelas menimbulkan kekacauan dan kekeliruan di dalam negara... apakah untuk memberi tempat kepada orang asing atau pengatur konspirasi dari luar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan diploma kepada 638 graduan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) di sini hari ini.

Syed Hamid berkata, mana-mana organisasi sekalipun yang ingin menjadi penentang atau membuat tindakan berbentuk politik, tidak wajar menyembunyikan tindakan mereka atas nama organisasi bebas atau berselindung di sebalik nama badan-badan bukan kerajaan.

"Ini tidak menunjukkan keberanian mereka untuk berhadapan dengan isu yang dianggap politikal," katanya.

Justeru, Syed Hamid meminta pendokong gerakan reformasi supaya menunjukkan siapa dan apa matlamat mereka yang sebenarnya, supaya kita boleh ambil langkah dan tindakan yang sewajarnya seperti mana parti-parti politik lain di negara ini.

Aktivis gerakan reformasi Abdul Malek Hussin semalam dilaporkan berkata sebuah parti politik akan ditubuhkan bagi memenuhi matlamat reformasi dan terbuka kepada semua kaum memandangkan bentuk perjuangan reformasi adalah bagi rakyat dan negara.

Abdul Malek yang baru dibebaskan daripada tahanan dibawah Akta Keselamatan dalam negeri (ISA) pada 21 Nov lepas menyatakan demikian sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir MOhamad, yang meminta gerakan reformasi "turun gelanggang untuk bertanding dalam pilihan raya" daripada menyertai demonstrasi dan membuat kacau.

Mengenai kaset mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang diedarkan dan dijual secara meluas, Syed Hamid berkata terpulanglah kepada rakyat untuk mendengar tetapi perlu menganalisa kandungannya dengan baik dan sempurna.

"Tiada apa yang hendak disembunyikan walaupun minit mesyuarat MT adalah rahsia parti, kalau sudah terbocor apa boleh kita buat," katanya.

Bagaimanapun beliau tidak ingin membuat sebarang spekulasi mengenai sumber-sumber yang membolehkan perjalanan mesyuarat MT dirakam dan dibawa keluar.

"Saya tak mahu buat spekulasi tetapi kalau benda yang dalam mesti datang dari dalam, orang luar memang tak boleh dapat," katanya.

-- BERNAMA

WNZ WAT